



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA  
*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 55  
No. 17

**18hb Ogos 2011**

*TAMBAHAN No. 2*  
*ENAKMEN*

---

---

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada hari yang kesepuluh dalam bulan Mei 2011 dan telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada hari kedua puluh tujuh dalam bulan Jun 2011, adalah disiarkan mengikut kuasanya syarat-syarat Perkara 26 dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang:

The following Enactment, passed by the State Legislative Assembly of the State of Penang on the tenth day of May 2011 and assented to by His Excellency the Yang di-Pertua Negeri on the twenty seven day of June 2011, is published in accordance with the provisions of Article 26 of the Constitution of the State of Penang:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 14	Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 State of Penang Heritage Enactment 2011
Enakmen 15	Enakmen Caj Air Pulau Pinang (Pengesahan) 2011 Penang Water Charges (Validation) Enactment 2011



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG**

## **Enakmen 14**

**ENAKMEN WARISAN NEGERI  
PULAU PINANG 2011**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... .. 27 Jun 2011

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... .. 18 Ogos 2011

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

**UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG****Enakmen 14****ENAKMEN WARISAN NEGERI  
PULAU PINANG 2011**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian Akta Warisan Kebangsaan 2005

**BAHAGIAN II****MAJLIS WARISAN NEGERI PULAU PINANG**

4. Penubuhan Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang
5. Fungsi Majlis
6. Keanggotaan Majlis
7. Setiausaha
8. Tempoh jawatan
9. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
10. Pengosongan jawatan
11. Elaun
12. Mesyuarat
13. Majlis boleh mengundang orang lain ke mesyuarat
14. Penubuhan jawatankuasa

BAHAGIAN III

PESURUHJAYA WARISAN NEGERI

Seksyen

15. Pesuruhjaya Warisan Negeri
16. Fungsi Pesuruhjaya
17. Kuasa Pesuruhjaya

BAHAGIAN IV

WARISAN KEBUDAYAAN DAN WARISAN SEMULA JADI

Bab 1

*Tapak warisan kebudayaan ketara dan warisan semula jadi*

18. Penetapan tapak warisan
19. Tapak bersempadanan dan berdekatan
20. Kuasa memasuki tapak
21. Notis penetapan tapak warisan
22. Bantahan
23. Pendengaran
24. Keputusan Pesuruhjaya
25. Rayuan
26. Tapak warisan sebagai Warisan Negeri
27. Notis kepada pihak berkuasa perancang tempatan

Bab 2

*Warisan kebudayaan tidak ketara*

28. Perisytiharan warisan kebudayaan tidak ketara

BAHAGIAN V

WARISAN NEGERI

Seksyen

29. Perisytiharan Warisan Negeri
30. Pemunyaan atau pemilikan Warisan Negeri
31. Daftar Warisan Negeri

BAHAGIAN VI

PENGURUSAN, PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN  
WARISAN NEGERI

Bab 1

*Tapak warisan*

32. Notis menjual tapak warisan
33. Pertukaran pemunyaan tapak warisan
34. Penjagaan tapak warisan
35. Permohonan kebenaran merancang
36. Pembiayaan kerja pemeliharaan dan pemuliharaan
37. Pelan pengurusan pemuliharaan

Bab 2

*Warisan kebudayaan tidak ketara*

38. Pemuliharaan warisan kebudayaan tidak ketara

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

39. Pelantikan pegawai penguat kuasa
40. Kad kuasa

Seksyen

41. Menghalang pengeledahan, dsb.
42. Kuasa penyiasatan
43. Kuasa memasuki dan memeriksa tapak warisan
44. Pengeledahan dan penyitaan dengan waran
45. Penyitaan benda, dsb.
46. Notis penyitaan
47. Pemeriksaan orang
48. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes

#### BAHAGIAN VIII

##### PELBAGAI

49. Fi masuk
50. Pendakwaan
51. Pengendalian pendakwaan
52. Kesalahan berkenaan dengan tapak warisan
53. Penalti am
54. Kos pembaikan, dsb.
55. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
56. Pengkompaunan kesalahan
57. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
58. Peraturan-peraturan

**UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG****Enakmen 14****ENAKMEN WARISAN NEGERI  
PULAU PINANG 2011**

DIPERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

TUN DATO' SERI UTAMA  
(DR.) HAJI ABDUL RAHMAN  
BIN HAJI ABBAS  
*Yang di-Pertua Negeri*

25 Rejab 1432  
27 Jun 2011

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi bagi negeri Pulau Pinang, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERUNDANGKAN** oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.



**Tafsiran**

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bangunan” ertinya suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogennya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains;

“Daftar” ertinya Daftar Warisan Negeri yang diwujudkan dan disenggarakan di bawah seksyen 31 yang mengandungi suatu senarai butiran Warisan Negeri;

“kawasan” termasuklah tapak kerja manusia atau gabungan kerja alam dan manusia, dan kawasan yang termasuk tapak zaman purba yang mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, estetik, etnologi atau antropologi;

“Majlis” ertinya Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“monumen” ertinya kerja seni bina, kerja membuat arca dan mengecat monumen, elemen atau struktur daripada jenis arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan gabungan ciri, yang mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains;

“pegawai penguat kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 39;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya oleh Pesuruhjaya;

“pelan pengurusan pemuliharaan” ertinya pelan bagi pemuliharaan yang disediakan di bawah seksyen 37;

“pembaikpulihan” ertinya proses membaik pulih dengan tepat rupa bentuk dan perincian suatu struktur atau sebahagian daripada suatu struktur dan kedudukan struktur itu, sebagaimana yang didapati pada suatu tempoh masa, dengan mengalihkan kerja yang terkemudian dan menggantikan kerja asal yang hilang, dan termasuklah—

- (a) pembaikpulihan sepenuhnya yang melibatkan kedua-dua bahagian luar dan dalam;
- (b) pembaikpulihan sebahagian yang melibatkan bahagian luar, bahagian dalam, atau mana-mana gabungan sebahagian darinya dan digunakan apabila hanya bahagian sesuatu struktur adalah penting dalam menunjukkan nilai kebudayaan pada peringkat kepentingan sejarah, atau menyumbang kepada nilai yang baginya kawasan itu ditetapkan; dan
- (c) pembaikpulihan secara penyesuaian yang melibatkan kesemua atau sebahagian pembaikpulihan luar dengan bahagian dalam disesuaikan bagi suatu kegunaan berfungsi moden;

“pembinaan semula” ertinya proses menghasilkan semula secara tepat melalui suatu pembinaan baru, rupa bentuk dan perincian suatu struktur yang telah hilang, atau sebahagian daripada struktur itu, sebagaimana yang didapati pada suatu tempoh masa dan termasuklah pembinaan semula keseluruhan atau sebahagiannya;

“pemeliharaan” ertinya bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan usang dan menyediakan struktur yang selamat dan kukuh tetapi tidak menjangkakan pembangunan semula yang penting dan termasuklah—

- (a) teknik membantutkan atau memperlahankan proses kemerosotan, reput atau keadaan usang sesuatu butiran atau struktur;
- (b) membaiki keadaan struktur untuk menjadikan sesuatu struktur selamat, boleh didiami, atau selainnya berguna; dan

(c) penyenggaraan biasa dan pembaikan kecil yang tidak mengubah atau memudaratkan rupa fabrik atau sejarah sesuatu struktur;

“pemulihan” ertinya proses mengembalikan sesuatu harta kepada keadaan kebergunaan melalui pembaikan atau pengubahan, yang memungkinkan penggunaan semasa yang efisien sambil memelihara bahagian dan ciri harta itu yang penting kepada seni bina bersejarahnya;

“pemeliharaan” termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya;

“pemunya”, berhubung dengan mana-mana tanah, ertinya pemunya berdaftar atau pemegang melalui pegangan ikut adat tanah itu;

“penghuni” termasuklah mana-mana orang yang menghuni, mengurus atau mempunyai kawalan ke atas mana-mana harta alih atau tak alih;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Warisan Negeri yang dilantik di bawah seksyen 15;

“Pesuruhjaya Warisan” ertinya Pesuruhjaya Warisan yang dilantik di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*];

“pihak berkuasa tempatan” ertinya majlis perbandaran atau majlis bandaraya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“pihak berkuasa perancang tempatan” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

“tapak warisan” ertinya apa-apa tapak warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah seksyen 18;

“warisan kebudayaan” termasuklah harta, struktur atau artifak kebudayaan dalam bentuk ketara atau tidak ketara dan bolehlah termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, lagu atau muzik yang mempunyai nilai estetik, arkeologi, seni bina, kebudayaan, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik atau teknologi yang penting kepada cara hidup masyarakat negeri Pulau Pinang dari segi sejarah atau kontemporari, di atas atau di dalam tanah tetapi tidak termasuk warisan semula jadi;

“warisan kebudayaan ketara” termasuklah kawasan, monumen dan bangunan;

“warisan kebudayaan tidak ketara” termasuklah mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah wujud atau wujud berhubung dengan warisan masyarakat negeri Pulau Pinang;

“Warisan Negeri” ertinya mana-mana tapak warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara atau tapak warisan semula jadi yang diisytiharkan sebagai Warisan Negeri di bawah seksyen 29;

“warisan semula jadi” termasuklah ciri-ciri semula jadi mana-mana kawasan yang terdiri daripada pembentukan tanah secara fizikal atau biologi atau kumpulan pembentukan itu, ciri geologi atau fisiografi, gunung, sungai, anak sungai, pembentukan batu, pesisir pantai atau mana-mana tapak semula jadi yang mempunyai nilai yang menonjol dari pandangan semula jadi, sains, pemuliharaan sejarah atau keindahan semula jadi termasuklah flora dan fauna di negeri Pulau Pinang.

### **Pemakaian Akta Warisan Kebangsaan 2005**

3. Tiada apa pun yang terkandung dalam Enakmen ini boleh dalam apa-apa cara memberi kesan kepada atau mengurangkan daripada peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005, dan dalam pemakaian apa-apa peruntukan Enakmen ini kepada mana-mana

orang, peruntukan Enakmen ini hendaklah terpakai tertakluk kepada peruntukan Akta itu dan, selanjutnya, jika berlaku apa-apa konflik atau ketidakselarasan antara apa-apa peruntukan Enakmen ini dan Akta itu, peruntukan Akta itu akan mengatasi.

## BAHAGIAN II

### MAJLIS WARISAN NEGERI PULAU PINANG

#### **Penubuhan Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang**

4. Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang ditubuhkan.

#### **Fungsi Majlis**

5. Fungsi Majlis adalah untuk—

- (a) menasihati Pihak Berkuasa Negeri bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi, dan perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan Enakmen ini;
- (b) mencadangkan pembentukan polisi berkenaan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi kepada Pihak Berkuasa Negeri;
- (c) berunding dan menyelaras dengan Pesuruhjaya Warisan bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi;
- (d) memantau dan menyelaras dengan pihak berkuasa perancang tempatan berhubung dengan rancangan pemajuan bagi tapak warisan;
- (e) memantau dan mencadang apa-apa penambahbaikan kepada garis panduan dan pelan pengurusan pemuliharaan Warisan Negeri;

- (f) menjalankan apa-apa kajian atau penyelidikan berkenaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi; dan
- (g) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang boleh diarah kepadanya oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk pelaksanaan wajar dan berkesan Enakmen ini bagi maksud pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi.

### **Keanggotaan Majlis**

- 6.** Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
- (a) seorang Pengerusi iaitu Ketua Menteri;
  - (b) tiga orang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
  - (c) Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya;
  - (d) Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya;
  - (e) Pengarah Perancang Bandar dan Desa atau wakilnya;
  - (f) Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau wakilnya;
  - (g) Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai atau wakilnya;
  - (h) Pesuruhjaya Warisan Negeri;
  - (i) Kurator Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang atau wakilnya;
  - (j) Pengurus Besar *Georgetown World Heritage Incorporated* atau wakilnya; dan
  - (k) tidak kurang daripada lima orang anggota lain yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Setiausaha**

7. Pesuruhjaya hendaklah melantik mana-mana penjawat awam untuk menjadi Setiausaha kepada Majlis.

**Tempoh jawatan**

8. Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota, yang dilantik di bawah perenggan 6(k) melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

9. (1) Pelantikan mana-mana anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(k) boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(2) Seseorang anggota boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang dialamatkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

**Pengosongan jawatan**

10. Jawatan seseorang anggota Majlis hendaklah menjadi kosong jika dia—

(a) mati;

(b) menjadi bankrap;

(c) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada dua bulan;

- (d) tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya; atau
- (e) tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

### **Elaun**

**11.** Tiap-tiap anggota Majlis boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **Mesyuarat**

**12.** (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan bagi melaksanakan fungsinya.

(2) Kuorum Majlis dalam apa-apa mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya separuh daripada anggota Majlis.

(3) Jika, mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Majlis terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Sekiranya Pengerusi tidak hadir atau tidak dapat bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain, mana-mana anggota Majlis boleh dilantik oleh anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

(5) Tertakluk kepada Enakmen ini, Majlis bolehlah menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

### **Majlis boleh mengundang orang lain ke mesyuarat**

**13.** (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangan teliti Majlis bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangan teliti itu.



(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangan teliti Majlis di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **Penubuhan jawatankuasa**

**14.** (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsi atau kewajibannya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

(2) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(3) Sesuatu jawatankuasa adalah tertakluk kepada dan hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Majlis.

## **BAHAGIAN III**

### **PESURUHJAYA WARISAN NEGERI**

#### **Pesuruhjaya Warisan Negeri**

**15.** Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, melantik seorang penjawat awam untuk menjadi Pesuruhjaya Warisan Negeri bagi melaksanakan fungsi dan menjalankan kewajipan di bawah Enakmen ini.

#### **Fungsi Pesuruhjaya**

**16.** Fungsi Pesuruhjaya adalah untuk—

- (a) memastikan bahawa Enakmen ini ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi;

- (b) mengisytiharkan apa-apa warisan kebudayaan dan warisan semula jadi sebagai Warisan Negeri;
- (c) menyelaras dengan Majlis berhubung dengan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan;
- (d) menasihati Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, mana-mana badan atau agensi lain berhubung dengan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan;
- (e) mewujudkan dan menyelenggara Daftar Warisan Negeri;
- (f) menggalakkan dan memudahkan apa-apa penyelidikan yang berhubung dengan warisan;
- (g) mengawasi dan menyelia proses pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan Negeri;
- (h) menganjurkan program, pameran dan promosi pelancongan berhubung dengan pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan Negeri;
- (i) menyediakan atau mengeluarkan dasar, garis panduan atau arahan berhubung dengan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dan, hendaklah selaras dengan dasar dan arahan Pesuruhjaya Warisan; dan
- (j) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

### **Kuasa Pesuruhjaya**

**17.** Pesuruhjaya hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi, atau berkaitan dengan, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen ini.

## BAHAGIAN IV

## WARISAN KEBUDAYAAN DAN WARISAN SEMULA JADI

## Bab 1

*Tapak warisan kebudayaan ketara dan  
warisan semula jadi***Penetapan tapak warisan**

**18.** (1) Pesuruhjaya boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan mana-mana tapak yang mempunyai nilai warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi menjadi tapak warisan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pesuruhjaya bolehlah berunding dengan Majlis sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**Tapak bersempadanan dan berdekatan**

**19.** (1) Jika suatu tapak tidak mempunyai nilai warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi tetapi Pesuruhjaya berpuas hati bahawa tapak itu patut ditetapkan sebagai tapak warisan disebabkan oleh kedekatannya kepada dan untuk perlindungan dan penambahbaikan tapak lain yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah seksyen 18, Pesuruhjaya boleh menetapkan tapak itu sebagai tapak warisan.

(2) Apa-apa penetapan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibatalkan jika penetapan tapak yang lain itu dibatalkan.

**Kuasa memasuki tapak**

**20.** (1) Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa, memasuki sesuatu tapak untuk memeriksa, meninjau, menyiasat atau menjalankan apa-apa kerja yang perlu bagi maksud untuk menetapkan tapak itu sebagai tapak warisan.

(2) Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah memberi notis secara bertulis tidak kurang daripada empat belas hari daripada tarikh kemasukan itu kepada pemunya atau penghuni tapak itu.

(3) Jika pemunya atau penghuni tapak itu membantah apa-apa kemasukan di bawah subsekyen (1) atas alasan keagamaan, Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa tidak boleh memasuki tapak itu kecuali dengan arahan bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Pesuruhjaya boleh membuat apa-apa perkiraan dengan pemunya atau penghuni tapak itu bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau dikatakan telah dialami oleh pemunya atau penghuni itu disebabkan oleh kemasukan itu.

(5) Mana-mana orang yang menghalang atau enggan membenarkan Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk memasuki mana-mana tapak di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Notis penetapan tapak warisan**

**21.** (1) Apabila Pesuruhjaya membuat keputusan untuk menetapkan suatu tapak sebagai tapak warisan, Pesuruhjaya hendaklah, memberikan suatu notis bertulis kepada pemunya atau penghuni tapak itu tentang keputusannya.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, selepas memberikan notis di bawah subseksyen (1)—

(a) menyebabkan disiarkan dalam *Warta* dan akhbar tempatan di dalam bahasa kebangsaan—

(i) suatu notis untuk menetapkan tapak itu sebagai suatu tapak warisan; dan

(ii) apa-apa perkara lain yang membentuk atau yang berhubungan dengan penetapan itu yang pada pendapatnya wajar disiarkan; dan

(b) memfailkan suatu notis untuk menetapkan tapak itu sebagai suatu tapak warisan di pejabat tanah tempat tapak itu terletak.

**Bantahan**

**22.** Pemunya atau penghuni tapak atau mana-mana orang lain yang terjejas atau berkemungkinan akan terjejas oleh mana-mana penetapan tapak sebagai tapak warisan boleh membuat bantahan terhadap keputusan penetapan tapak itu dengan menyampaikan notis bantahan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis di bawah perenggan 21(2)(a).

**Pendengaran**

**23.** (1) Apabila Pesuruhjaya menerima apa-apa notis bantahan di bawah seksyen 22, Pesuruhjaya hendaklah menetapkan suatu tarikh, masa dan tempat untuk mendengar bantahan itu dan hendaklah memaklumkan dalam bentuk yang ditetapkan kepada pihak yang membantah sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum tarikh pendengaran dijalankan.

(2) Apabila menerima notis di bawah subseksyen (1), pihak yang membantah itu hendaklah hadir di hadapan Pesuruhjaya dan memberikan alasan bantahan itu.

**Keputusan Pesuruhjaya**

**24.** (1) Apabila Pesuruhjaya, setelah mendengar bantahan di bawah seksyen 22 dan tertakluk kepada seksyen 25, jika ada, berpuas hati bahawa tapak itu mempunyai nilai warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi, Pesuruhjaya boleh—

(a) menetapkan tapak itu sebagai tapak warisan; dan

(b) memberi suatu notis bertulis kepada pemunya atau penghuni tapak itu mengenai keputusannya.

(2) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas keputusan dibuat di bawah subseksyen (1), Pesuruhjaya hendaklah—

(a) menyebabkan disiarkan dalam *Warta* dan akhbar tempatan di dalam bahasa kebangsaan—

(i) suatu notis bahawa tapak itu telah ditetapkan sebagai tapak warisan; dan

(ii) apa-apa perkara lain yang membentuk atau yang berhubungan dengan penetapan itu yang pada pendapatnya wajar disiarkan; dan

(b) memfailkan suatu notis di pejabat tanah tempat tapak warisan itu terletak yang memaklumkan bahawa tapak itu telah ditetapkan sebagai tapak warisan.

(3) Jika Pesuruhjaya membuat keputusan untuk tidak meneruskan penetapan tapak yang dicadangkan, Pesuruhjaya hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemunya atau penghuni tapak itu dan pejabat tanah tempat tapak itu terletak secara bertulis mengenai keputusan itu, dengan atau tanpa memberikan apa-apa sebab.

## **Rayuan**

**25.** (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya di bawah subseksyen 24(1) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengesahkan, mengakas atau mengubah keputusan yang dirayukan terhadap dan, dalam mengesahkan, mengakas atau mengubah keputusan itu, boleh mengenakan apa-apa terma atau syarat yang difikirkannya adil atau perlu.

(3) Sebelum membuat apa-apa keputusan di bawah subseksyen (2), Pihak Berkuasa Negeri boleh merujuk perkara itu kepada Majlis.

(4) Jika Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan keputusan Pesuruhjaya, Pesuruhjaya hendaklah menetapkan tapak itu sebagai tapak warisan.

(5) Keputusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen ini adalah muktamad.

### **Tapak warisan sebagai Warisan Negeri**

**26.** Pesuruhjaya boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengisytiharkan mana-mana tapak warisan yang telah ditetapkan di bawah Bab ini menjadi Warisan Negeri.

### **Notis kepada pihak berkuasa perancang tempatan**

**27.** Pesuruhjaya hendaklah memberitahu pihak berkuasa perancang tempatan tempat tapak warisan itu terletak bagi membolehkan pihak berkuasa itu mengambil kira apa-apa perkara, dasar, strategi atau pelan tindakan berhubung dengan kepentingan tapak warisan itu dalam menyediakan apa-apa rancangan pembangunan dalam kawasan itu di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

## Bab 2

### *Warisan kebudayaan tidak ketara*

### **Perisytiharan warisan kebudayaan tidak ketara**

**28.** (1) Pesuruhjaya boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengisytiharkan mana-mana warisan kebudayaan tidak ketara di negeri Pulau Pinang untuk menjadi Warisan Negeri.

(2) Mana-mana orang boleh mencadangkan kepada Pesuruhjaya mana-mana warisan kebudayaan tidak ketara untuk ditetapkan sebagai Warisan Negeri.

## BAHAGIAN V

### WARISAN NEGERI

### **Perisytiharan Warisan Negeri**

**29.** (1) Pesuruhjaya boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan

mana-mana tapak warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara atau tapak warisan semula jadi sebagai suatu Warisan Negeri.

(2) Dalam membuat perisytiharan di bawah subseksyen (1), Pesuruhjaya boleh menimbangkan perkara yang berikut:

- (a) kepentingan sejarah Negeri;
- (b) ciri reka bentuk atau estetik;
- (c) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- (d) hubungan sosial atau kebudayaan masyarakat;
- (e) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik berhubung dengan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi di negeri Pulau Pinang; atau
- (f) keunikan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi.

(3) Jika tapak itu terletak di atas tanah beri hak milik atau dipunyai oleh mana-mana orang selain Kerajaan Negeri, pemunya, penjaga atau pemegang amanah tapak itu, hendaklah diberitahu sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum tarikh perisytiharan dicadangkan itu.

(4) Jika perisytiharan di bawah subseksyen (1) melibatkan suatu warisan kebudayaan tidak ketara dan hak cipta masih wujud dalam apa-apa kerja, keizinan pemunya hak cipta itu hendaklah diperoleh sebelum apa-apa perisytiharan itu dibuat.

### **Pemunyaan atau pemilikan Warisan Negeri**

**30.** Mana-mana Warisan Negeri yang dipunyai atau dimiliki oleh mana-mana orang selain Kerajaan Negeri boleh terus berada dalam milikan pemunya, penjaga atau pemegang amanahnya.



**Daftar Warisan Negeri**

**31.** (1) Pesuruhjaya hendaklah mewujudkan suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Warisan Negeri yang mengandungi senarai tapak warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan tapak warisan semula jadi yang telah diisytiharkan sebagai Warisan Negeri di bawah seksyen 29.

(2) Pesuruhjaya hendaklah menyelenggara dan memastikan Daftar itu sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa dan disimpan dalam keadaan baik.

(3) Mana-mana orang boleh meminta apa-apa maklumat yang terkandung dalam Daftar itu dan Pesuruhjaya boleh memberi maklumat itu dan mengenakan fi yang ditetapkan bagi maklumat itu.

**BAHAGIAN VI****PENGURUSAN, PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN  
WARISAN NEGERI****Bab 1***Tapak warisan***Notis menjual tapak warisan**

**32.** Seorang pemunya tapak warisan yang berhasrat untuk menjual keseluruhan atau mana-mana bahagian tapak warisan hendaklah memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis maklumat tentang perjanjian penjualan itu dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh perjanjian itu ditandatangani.

**Pertukaran pemunyaan tapak warisan**

**33.** (1) Mana-mana orang yang membeli atau memperoleh apa-apa tapak warisan hendaklah dalam tempoh dua puluh lapan hari

dari tarikh penyempurnaan pembelian atau pemerolehan itu, memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis tentang—

(a) nama dan alamatnya; dan

(b) sama ada dia berniat untuk menduduki tapak itu.

(2) Mana-mana orang yang telah memberitahu Pesuruhjaya apa-apa maklumat di bawah subseksyen (1) hendaklah, dalam tempoh dua puluh lapan hari dari apa-apa perubahan maklumat yang diberikan itu, memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis tentang perubahan itu.

### **Penjagaan tapak warisan**

**34.** (1) Pemunya atau penghuni suatu tapak warisan hendaklah memastikan bahawa tapak itu sentiasa dalam keadaan baik.

(2) Pemunya atau penghuni suatu tapak warisan hendaklah membenarkan Pesuruhjaya, mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau pegawai penguat kuasa memasuki tapak itu bagi maksud menjalankan apa-apa kerja pemeliharaan, pembaikan atau penyelenggaraan sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat atau perlu.

(3) Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa langkah-langkah yang munasabah tidak diambil bagi pemeliharaan sewajarnya tapak warisan itu, dia boleh menjalankan apa-apa kerja pembaikan, setelah memberikan kepada pemunya atau penghuni tapak itu empat belas hari notis bertulis mengenai niatnya untuk membuat demikian, dan segala kos dan belanja yang ditanggung semasa menjalankan kerja itu hendaklah dibayar balik oleh pemunya atau penghuni tapak itu.

### **Permohonan kebenaran merancang**

**35.** (1) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyelaras dan mendapatkan nasihat daripada Pesuruhjaya sebelum meluluskan apa-apa permohonan kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan tapak warisan.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1), hendaklah mengandungi perkara yang berikut:

- (a) butiran yang mencukupi untuk mengenal pasti monumen atau bangunan yang berhubung dengan permohonan itu, termasuk pelan susun aturnya, pelan bangunan terukur dan fotograf tiap-tiap sudut, termasuk bahagian luar dan bahagian dalam monumen atau bangunan itu;
- (b) apa-apa pelan dan lukisan lain untuk memperihalkan kerja dalam permohonan itu;
- (c) langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan tapak warisan dan tanah yang berdekatan; dan
- (d) apa-apa butiran lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(3) Bagi maksud perenggan 2(c), tanah yang berdekatan ertinya—

- (a) mana-mana tanah yang bersempadanan dalam lingkungan dua ratus meter dari sempadan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan di bawah seksyen ini;
- (b) mana-mana tanah yang terpisah dari tanah yang dimaksudkan oleh permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini oleh mana-mana jalan, lorong, parit atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi dua puluh meter dan yang akan menjadi bersempadanan dengan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu jika tanah itu tidak dipisahkan oleh jalan, lorong, parit atau tanah rizab itu; atau
- (c) mana-mana tanah yang terletak dalam lingkungan dua ratus meter dari sempadan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan di bawah seksyen ini.

(4) Pesuruhjaya hendaklah menasihati pihak berkuasa perancang tempatan supaya mengenakan apa-apa syarat apabila memberikan kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan suatu tapak warisan yang bolehlah termasuk—

- (a) menghendaki pematuhan mana-mana garis panduan dan tatacara pemuliharaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) menghendaki pembayaran apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana tapak warisan selepas kerja yang dibenarkan oleh kebenaran merancang atau perintah pembangunan itu selesai; atau
- (c) menghendaki perlindungan dan pengekalan mana-mana ciri tertentu tapak warisan itu.

(5) Jika kebenaran merancang diberikan, Pesuruhjaya hendaklah berhubung, bekerjasama dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa perancang tempatan untuk memastikan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan kepada pemunya atau penghuni tapak warisan yang berhubungan dengan pemuliharaan tapak warisan dipatuhi.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.

### **Pembiayaan kerja pemeliharaan dan pemuliharaan**

**36.** (1) Seseorang pemunya tapak warisan boleh memohon kepada Pesuruhjaya apa-apa pemberian atau pinjaman bagi maksud menjalankan apa-apa kerja pemeliharaan dan pemuliharaan di atas tapak warisan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pesuruhjaya hendaklah menimbang permohonan dari pemunya tapak warisan itu dengan mengambil kira apa-apa perkara yang difikirkannya wajar bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak itu, dan mengemukakan cadangannya kepada Majlis bagi kelulusan.

(3) Majlis boleh, selepas menimbangkan cadangan yang dikemukakan kepadanya, sama ada meluluskannya secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya atau menolaknya.

(4) Majlis melalui Pesuruhjaya hendaklah mengemukakan permohonan yang telah diluluskan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, dan apabila persetujuan diberikan, Pesuruhjaya boleh mengeluarkan pemberian atau pinjaman bagi kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan itu.

(5) Apabila memberi persetujuan, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya sesuai ke atas pemunya.

### **Pelan pengurusan pemuliharaan**

**37.** (1) Pesuruhjaya hendaklah, selepas berunding dengan Majlis, menyediakan suatu pelan pengurusan pemuliharaan bagi maksud—

- (a) menggalakkan pemuliharaan atau pembinaan semula suatu tapak warisan; dan
- (b) memastikan pengurusan wajar sesuatu tapak warisan termasuk penggunaan dan pembangunan semua monumen, bangunan dan kawasan dalam tapak warisan itu dan pemeliharaan persekitaran.

(2) Pesuruhjaya hendaklah dari semasa ke semasa—

- (a) menyerahkan pelan pengurusan pemuliharaan kepada pihak berkuasa perancang tempatan;
- (b) menasihati dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa perancang tempatan bagi pelaksanaan pelan pengurusan pemuliharaan dan garis panduannya; dan
- (c) mengkaji semula mana-mana pelan pengurusan pemuliharaan itu.

Bab 2

*Warisan kebudayaan tidak ketara*

**Pemuliharaan warisan kebudayaan tidak ketara**

**38.** (1) Pesuruhjaya boleh mengadakan suatu garis panduan dan tatacara bagi tujuan mengekalkan dan memulihara keaslian warisan kebudayaan tidak ketara di negeri Pulau Pinang.

(2) Pemunya atau penjaga warisan kebudayaan tidak ketara hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk membangunkan, mengenal pasti, menghantar, menyebabkan dilaksanakan dan memudahkan penyelidikan ke atas warisan kebudayaan tidak ketara itu mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

**Pelantikan pegawai penguat kuasa**

**39.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, melantik dari kalangan penjawat awam dan pegawai pihak berkuasa tempatan apa-apa bilangan pegawai penguat kuasa sebagaimana yang perlu untuk membantu Pesuruhjaya dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

(2) Semua pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan am Pesuruhjaya, melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa yang diberikan kepada mereka di bawah Enakmen ini.

**Kad kuasa**

**40.** (1) Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai penguat kuasa suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pesuruhjaya.

(2) Semasa pegawai penguat kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu atau yang daripadanya dia meminta apa-apa maklumat, kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

### **Menghalang pengeledahan, dsb.**

**41.** Mana-mana orang yang—

- (a) menghalang atau melengahkan mana-mana pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan apa-apa kemasukan yang berhak dilaksanakan olehnya di bawah Enakmen ini, atau dalam pelaksanaan apa-apa tugas yang dipertanggungkan atau apa-apa kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini; atau
- (b) tidak mematuhi apa-apa permintaan sah daripada seseorang pegawai penguat kuasa yang bertindak melaksanakan tugasnya di bawah Enakmen ini,

melakukan suatu kesalahan.

### **Kuasa penyiasatan**

**42.** Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa bagi menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

### **Kuasa memasuki dan memeriksa tapak warisan**

**43.** (1) Mana-mana pegawai penguat kuasa atau pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki dan memeriksa mana-mana tapak warisan bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan dan penyiasatan atau apa-apa perkara lain yang berhubung dengannya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pemunya atau penghuni tapak warisan hendaklah membenarkan pemeriksaan tersebut dan memberi kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi pegawai tersebut menjalankan tugasnya.

#### **Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**44.** (1) Jika ternyata pada Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempunyai bahawa—

- (a) mana-mana tapak warisan telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) ada apa-apa keterangan yang perlu di tapak warisan bagi penjalanan suatu penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki tapak warisan itu, jika perlu dengan kekerasan.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk menggeledah tapak warisan itu bagi mencari, dan untuk menyita dan mengalihkan dari tapak warisan itu—

- (a) apa-apa bahan, buku, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah atau disyaki telah dilakukan; dan
- (b) apa-apa bahan, buku, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai memberi keterangan tentang pelakuan kesalahan itu.



(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang bertindak di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam tapak warisan itu atau mana-mana pagar, kepungan atau halangan lain ke tapak warisan itu, bertujuan untuk membolehkan kemasukan ke dalam premis itu;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, pengeledahan, penyitaan atau pengalihan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah subseksyen (1) atau (2); dan
- (c) menahan tiap-tiap orang yang ditemui di tapak warisan itu sehingga pengeledahan itu selesai.

#### **Penyitaan benda, dsb.**

**45.** Tanpa menjejaskan subseksyen 44(2), apa-apa bahan, buku, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seseorang pegawai penguat kuasa telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai penguat kuasa itu.

#### **Notis penyitaan**

**46.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Bahagian ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai tiap-tiap bahan, buku, dokumen atau benda lain yang disita dan tempat bahan, buku, dokumen atau benda lain itu telah dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada pemunya atau penghuni tempat bahan, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu dijumpai.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau di mana-mana tapak warisan yang tidak dihuni, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menampalkan supaya mudah dilihat suatu senarai benda yang disita itu di tapak warisan itu.

(4) Jika apa-apa bahan, buku, dokumen atau benda lain disita selain di dalam atau dari tapak warisan, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan penyitaan itu kepada pemunya bahan, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu sendiri atau melalui pos ke tempat perniagaan atau kediamannya.

(5) Notis di bawah subseksyen (4) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran atau dengan pengetahuan pemunya itu.

### **Pemeriksaan orang**

**47.** Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina dengan orang itu, dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes**

**48.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat siasatan di bawah Enakmen ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat pegawai penguat kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang itu enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keengganannya itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

## BAHAGIAN VIII

## PELBAGAI

**Fi masuk**

**49.** (1) Seseorang pemunya tapak warisan boleh, dengan kelulusan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Pesuruhjaya dan amaun yang boleh ditetapkan, mengenakan fi masuk ke tapak warisan itu.

(2) Jika Pesuruhjaya telah menyumbang kepada perbelanjaan pemeliharaan dan pemuliharaan mana-mana tapak warisan, Pesuruhjaya boleh mengenakan suatu levi ke atas fi masuk yang diterima oleh pemunya tapak warisan itu.

**Pendakwaan**

**50.** Tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Pengendalian pendakwaan**

**51.** Prosiding berkenaan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan boleh dengan izin Pendakwa Raya, dikendalikan oleh seorang pegawai penguat kuasa.

**Kesalahan berkenaan dengan tapak warisan**

**52.** (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kelulusan Pesuruhjaya secara bertulis—

- (a) mengorek, membina, menggali, membangun, menanam pokok, menguari, mengairi, membakar kapur atau mendeposit tanah atau sampah, di atas atau di tapak warisan atau kawasan pemuliharaan;

- (b) meroboh, mengganggu, menghalang, mengubah suai, menanda, meruntuhkan atau mengalih mana-mana bangunan atau monumen di mana-mana tapak warisan;
- (c) mendirikan apa-apa bangunan atau struktur bersebelahan dengan suatu monumen di dalam mana-mana tapak warisan;
- (d) memusnahkan perhubungan antara suatu bangunan dengan alam sekitarnya yang tidak selaras dengan ciri-ciri kejiranan di mana-mana tapak warisan;
- (e) mengekstrak, mengalih atau mengangkut, atau membenarkan pengekstrakan, pengalihan atau pengangkutan apa-apa bahan yang berasal daripada tanah yang menjadi suatu warisan semula jadi atau warisan kebudayaan;
- (f) membersihkan mana-mana kawasan atau mengganggu, memusnahkan atau mengalih mana-mana pokok, tumbuhan bawah, rumpai, rumput atau tumbuh-tumbuhan di mana-mana tapak warisan; atau
- (g) melakukan apa-apa aktiviti atau tindakan yang mungkin menyebabkan kerosakan kepada tanah yang bersempadanan dan tanah di sekitarnya yang telah didaftarkan sebagai tapak warisan.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Penalti am**

**53.** Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini yang tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Kos pembaikan, dsb.**

**54.** Jika kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini menyebabkan kerosakan kepada, perobohan atau pembinasaan sesuatu tapak warisan atau bahan warisan, mahkamah boleh memerintahkan orang itu membayar, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan di bawah seksyen 52 atau 53, kos kerosakan bahan warisan itu atau kos pembaikan, pembaikpulihan atau pembinaan semula tapak itu.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**55.** Jika suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang Pengurus Besar atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian, hendaklah, bersama dengan pertubuhan perbadanan itu, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

**Pengkompaunan kesalahan**

**56.** (1) Pesuruhjaya boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya yang diberikan oleh Pesuruhjaya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan jika pemilikan telah diambil terhadap mana-mana buku, rekod atau dokumen lain atau apa-apa benda lain, buku, rekod, dokumen atau benda itu boleh dilepaskan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan mengikut syarat kompaun.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**57.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana anggota Majlis atau pegawai lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

### **Peraturan-peraturan**

**58.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan maksud Enakmen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan—

(a) kriteria bagi pengisytiharan suatu tapak warisan;

(b) apa-apa perkara berkaitan pelan pengurusan pemuliharaan warisan;

- (c) garis panduan dan tatacara bagi pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan Negeri;
- (d) syarat dan sekatan termasuk pembayaran dan amaun fi yang boleh dikenakan di bawah Enakmen ini;
- (e) tatacara bagi rayuan atau pengkompaunan kesalahan;
- (f) apa-apa cara dan borang yang hendak digunakan; dan
- (g) apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan ditetapkan oleh Enakmen ini, atau yang perlu atau sesuai ditetapkan bagi menjalankan atau menguatkuasakan peruntukan Enakmen ini.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 10 Mei 2011.  
[PSUKPP/08/0752/3 Klt.2; PUNPP 352/100/1/1/23]

MD PUAT BIN ROMLI  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Pulau Pinang*



# **LAWS OF THE STATE OF PENANG**

## **Enactment 14**

**STATE OF PENANG HERITAGE  
ENACTMENT 2011**



Date of Royal Assent      ...      ...      ...      27 June 2011

Date of publication in the *Gazette*    ...      ...      18 August 2011

Publisher's Copyright ©

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia)**.

**LAWS OF THE STATE OF PENANG****Enactment 14****STATE OF PENANG HERITAGE  
ENACTMENT 2011**

---

**ARRANGEMENT OF SECTIONS**

---

**PART I  
PRELIMINARY**

